

PENGGUNAAN WALLWISHER UNTUK MEMPERTINGKATKAN PEMAHAMAN TEKS MELALUI PENGAJARAN PERBENDAHARAAN KATA

Norashikin Mohamed Ali

Yu Neng Primary School, Ministry of Education

Singapore

norashikin_mohamed_ali@moe.edu.sg

Abstract

Kemahiran kefahaman membaca merupakan pemahaman apa yang telah dibaca. Untuk benar-benar memahami petikan yang dibaca, murid perlu mengetahui dan memahami makna perkataan yang dibaca, menghubungkaitkan apa yang dibaca dengan apa yang telah mereka ketahui serta berfikir secara mendalam tentang petikan tersebut. Sebahagian besar dalam keperluan untuk memahami apa yang dibaca adalah mempunyai perbendaharaan kata yang mencukupi atau memahami hampir kesemua makna perkataan dalam petikan. Pencapaian murid yang rendah bagi komponen Kefahaman dalam peperiksaan telah mendorong guru merancang strategi intervensi. Hasil penelitian guru dan kajian-kajian terdahulu telah mendedahkan kelemahan perbendaharaan kata sebagai punca utama yang perlu ditangani. *Wallwisher* telah dikenal pasti sebagai wadah pembelajaran kolaboratif yang amat sesuai dijadikan pemangkin keberkesanan strategi pengukuhan perbendaharaan kata dalam pengajaran kefahaman. 19 murid Darjah 2 telah dilibatkan dalam kajian ini. Dapatan kajian membuktikan bahawa murid yang telah menjalani strategi intervensi memperoleh peningkatan pencapaian dalam Kefahaman berbanding dengan bilangan murid yang tidak mengikuti strategi intervensi.

Kata kunci: Wallwisher, Kosa Kata, Kemahiran Membaca, Kolaboratif

Biographical Data:

Cikgu Norashikin Bte Mohamed Ali telah menerima pengajian Diploma dalam Pendidikan, NIE pada tahun 1998-2000. Beliau telah mengajar selama lebih kurang 13 tahun di sekolah rendah. Sepanjang pengajaran beliau, banyak kaedah ICT yang telah digunakan untuk menarik minat murid dalam pembelajaran serta memberikan impak yang berkesan.

PENGENALAN

Jawapan murid untuk kefahaman sering benar-benar menyimpang daripada jawapan yang diharapkan. Ia biasanya dipercayai bahawa murid ini menghadapi kesukaran dalam memahami teks dan soalan-soalan. Terdapat murid yang gagal ujian kefahaman semata-mata kerana mereka tidak mempunyai perbendaharaan kata yang perlu untuk memahami teks dan menjawab soalan-soalan.

Kajian ini bertujuan menentukan jika terdapat perbezaan dalam pencapaian markah kefahaman murid antara murid-murid yang mempunyai perbendaharaan yang luas dan mereka yang tidak. *Wallwisher*, satu dinding interaktif kosa kata, akan digunakan untuk mengajar kosa kata kepada murid. Murid diajar bagaimana untuk mengkategorikan kosa kata tersebut dalam soalan-soalan yang berbeza seperti 5W & 1 H. (Apa, Siapa, Di mana, Bila dan Bagaimana)

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk meneliti keberkesanan pengajaran kosa kata dalam meningkatkan kefahaman membaca murid dan meninjau keberkesanan penggunaan '*Wallwisher*' dalam meningkatkan pembelajaran secara kolaboratif dalam kalangan murid.

PERMASALAHAN KAJIAN

Berdasarkan pada latihan-latihan kefahaman yang diberi kepada murid, ramai yang tidak dapat menjawab kesemua soalan kefahaman dengan tepat apatah lagi mendapat markah penuh pada bahagian ini. Ada juga murid yang gagal dalam bahagian kefahaman walaupun mereka boleh membaca dengan baik. Pasukan guru penyelidik menyemak kertas-kertas kefahaman dan meneliti setiap jawapan murid untuk mengenal pasti punca kegagalan murid. Kesimpulannya, guru penyelidik mendapati bahawa kegagalan murid dalam menjawab soalan kefahaman berpunca daripada kelemahan kosa kata murid yang begitu terhad kerana jawapan mereka benar-benar menyimpang daripada batang soalan. Kelemahan dalam perbendaharaan kata secara tidak langsung menghambat murid daripada memahami teks yang dibaca.

Guru penyelidik cuba mencari kaedah untuk mengajar perbendaharaan kata. Kaedah yang telah dipilih haruslah dapat menarik minat murid sepanjang pembelajaran dan bersifat interaktif. Berbekalkan kemajuan teknologi yang semakin digalakkan dalam pembelajaran dan pengajaran, guru penyelidik telah memilih sofwe *Wallwisher* untuk mengajar perbendaharaan kata demi menyokong pemahaman teks murid. *Wallwisher* merupakan dinding interaktif yang mesra pengguna dan cukup mudah digunakan oleh setiap pelajar. Pembelajaran secara kolaboratif memang sesuai diterapkan dalam *Wallwisher*. Murid saling mempelajari perbendaharaan kata melalui perkongsian perbincangan dengan murid lain.

KAJIAN LEPAS

Murid yang mempunyai masalah pembelajaran dalam pemahaman bacaan mempunyai kesukaran memahami idea-idea yang penting dalam membaca petikan. Seseengah murid mempunyai kesukaran dalam kemahiran asas membaca seperti pengecaman perkataan. Ada segolongan murid pula yang boleh membaca dengan kuat dengan sedikit kesukaran tetapi tidak memahami atau mengingati apa yang mereka baca.

Dalam membantu murid memahami apa yang dibaca, murid perlu mempunyai bilangan kosa kata yang luas.” To become a skilled reader, children need a rich language and conceptual knowledge base, *a broad and deep vocabulary*, and verbal reasoning abilities to understand messages that are conveyed through print. (McCardle & Chhabra, 2004; McCardle, Scarborough, & Catts, 2001)

Menurut beberapa orang pengkaji seperti Anderson & Freebody (1991), Nagy, Anderson & Herman (1987), murid yang bijak memahami apa yang dibaca merupakan murid yang mempunyai perbendaharaan kata yang luas.

Satu kajian eksperimen yang paling relevan dan meluas pernah dibuat oleh Isabel Beck dan rakan-rakan (1982) terhadap kanak-kanak dalam gred 4 yang telah diajar senarai kosa kata sebanyak 104 perkataan dalam tempoh 5 bulan. Kanak-kanak tersebut berjaya menjawab soalan-soalan kefahaman dengan baik berbanding murid yang tidak diajar senarai kosa kata tersebut. Penemuan daripada kajian Beck serta kajian-kajian berkaitan yang lain mengemukakan kes yang baik khususnya bagi murid yang diajar kosa kata secara teliti dapat meningkatkan kefahaman murid tentang apa yang dibaca.

KAEDAH KAJIAN

Dalam kajian ini, murid akan mempelajari cara penggunaan *Wallwisher*. Murid juga belajar secara berkolaborasi dalam meningkatkan kosa kata bagi tujuan meningkatkan kemahiran murid membaca. Khususnya pengajaran kosa kata akan dijalankan dengan menggunakan *sofwe Wallwisher*. *Sofwe* ini dipilih kerana ianya interaktif dan mudah untuk digunakan bagi semua murid yang berumur seawal tujuh tahun. Untuk mengajar kosa kata, guru memilih penggunaan ICT untuk menarik minat serta penglibatan yang lebih aktif daripada murid sepanjang pembelajaran.

Murid yang terlibat dalam kajian ini menduduki praujian dan pascaujian. Murid akan menduduki ujian kefahaman yang sama pada peringkat praujian dan juga pascaujian. Markah yang diperoleh murid kemudiannya dianalisis untuk mendapatkan informasi sama ada pemahaman murid dalam kemahiran membaca meningkatkan dan mereka dapat menjawab soalan-soalan kefahaman dengan baik.

Subjek Kajian

Murid-murid Darjah 2 terbahagi kepada dua kumpulan. Bilangan murid di dalam kelas Bahasa Melayu tidak seimbang. Misalnya, satu kumpulan Darjah 2 terdiri daripada 13 orang murid sementara satu lagi kumpulan Darjah 2 terdiri daripada 26 orang murid.

Instrumen Kajian

Disebabkan bilangan murid yang tidak seimbang, kaedah kajian yang berbentuk kumpulan eksperimental dan kumpulan kawalan (*experimental & control group*) tidak dapat dijalankan. Guru menggunakan Kuasi Eksperimen iaitu kaedah Praujian dan Pascaujian untuk membuktikan keberkesanan pengajaran kosa kata dalam pemahaman teks. Satu kumpulan yang terdiri daripada 26 orang murid telah dipilih untuk kajian tindakan ini.

Sofwe Wallwisher telah dipilih untuk mengajar perbendaharaan kata. *Sofwe* ini mesra pengguna dan mudah digunakan oleh murid seawal tujuh tahun. *Sofwe* ini juga percuma dan

boleh didapatkan dari Internet. Murid hanya perlu mengepos perkataan di dinding. Cepat dan mudah untuk digunakan.

Prosedur Kajian

Dalam kajian ini, sampel terdiri daripada 19 orang murid dari kelas Darjah 2. Tujuh orang murid tidak terpilih dalam kajian ini kerana kehadiran mereka yang tidak mantap semasa kajian dijalankan.

Untuk mengkaji keberkesanan meningkatkan kosa kata untuk menyokong pemahaman murid dalam bacaan teks serta soalan-soalan kefahaman, petikan kefahaman telah diberikan kepada semua murid. Ujian kefahaman prakajian ditadbir pada minggu pertama kelas bagi kumpulan murid.

Murid tersebut perlu membaca teks dan kemudian, menjawab soalan-soalan kefahaman. Tiada sebarang bantuan yang dihulurkan oleh guru semasa pelajar membaca dan menjawab soalan-soalan kefahaman. Pada pelajaran seterusnya, iaitu keesokan hari, pelajar-pelajar yang sama menonton klip video yang bersangkutan dengan petikan teks yang telah mereka buat kini telah dimuat naikkan ke dalam *Wallwisher*. Selepas menonton klip video tersebut, murid-murid di dalam kumpulan kecil perlu mencatat kosa kata yang baru dipelajari mengikut tag soalan-soalan (5W & 1H) pada dinding *Wallwisher*. (Murid-murid mempunyai pengetahuan sedia ada tentang teknik menjawab soalan 5W & 1H. Sebagai contoh, soalan 'Apa' menanyakan tentang 'binatang, benda atau sesuatu perbuatan'. Soalan 'Di mana' menanyakan tentang 'tempat kejadian'. Pada awalnya, murid menampal kosa kata yang baru dipelajari pada tag-tag soalan yang disangkanya sesuai.

Kemudian, guru menerangkan makna perkataan-perkataan yang ditampal pada dinding. Murid mengulangi makna perkataan-perkataan tersebut. Murid diberi masa untuk mengadakan perkongsian perbincangan dalam kumpulan kecil untuk menukar kedudukan kosa kata tadi ke dalam tag soalan yang tepat kali ini. Sebagai rumusan pelajaran pada hari kedua, murid perlu menceritakan semula petikan dengan menggunakan perkataan masing-masing sekaligus menerangkan makna kosa kata yang telah dipelajari. Pada pelajaran akan datang, murid di dalam kumpulan kecil harus memadankan perkataan dengan maknanya yang betul di dinding *Wallwisher*.

Kemudian, murid harus menulis makna perkataan-perkataan yang telah dipelajari pada hari sebelumnya di lembaran kerja yang telah disediakan guru. Guru bertujuan untuk mengukuhkan lagi ingatan serta pemahaman murid pada kosa kata yang telah dipelajari. Kemudian, murid membuat kefahaman pascaujian. Kefahaman pascaujian adalah sama seperti praujian untuk mengawal tahap kesukaran teks dan untuk mengkaji perbezaan prestasi para pelajar sebelum dan selepas mereka belajar perbendaharaan kata. Sebanyak 2 petikan kefahaman yang dijalankan.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Murid-murid telah menjalani sebanyak 2 kajian untuk membuktikan bahawa dengan penguasaan kosa kata yang meluas, ia dapat membantu murid dalam pemahaman mereka terhadap sesuatu petikan teks yang dibaca. Berikut adalah Kajian Pertama yang telah dijalankan terhadap murid-murid. Murid perlu menjawab 5 soalan kefahaman di lembaran kerja. Tiada sebarang bantuan yang diberikan oleh guru sekiranya murid menghadapi kesukaran dalam pemahaman bacaan. Soalan kefahaman tersebut adalah seperti yang berikut:

Soalan 1 - Binatang apa yang tinggal di kawasan hutan itu?

Soalan 2 - Mengapakah cuaca di kawasan hutan itu panas?

Soalan 3 - Bilakah gagak ternampak tompokan air ?

Soalan 4 - Mengapakah gagak tidak dapat minum daripada geluk itu ?

Soalan 5 - Bagaimanakah akhirnya gagak dapat minum air itu ?

Jadual 1: Dapatan Kajian untuk Praujian dan Pascaujian Kefahaman 1

Name	Class	PreTest	PostTest	PreTest	PostTest	PreTest	PostTest	PreTest	PostTest	PreTest	PostTest
		Qn 1	Qn 1	Qn 2	Qn 2	Qn 3	Qn 3	Qn 4	Qn 4	Qn 5	Qn 5
Maryam	2-1	0	0	0	0	0	0	2	0	0	0
Shazmy	2-1	0	2	2	2	0	1	2	2	2	1
Emir	2-1	0.5	1	0	2	0	1	0	0	0	0
Siti Khairunnisa	2-1	1.5	2	2	2	0	1	0	0	1.5	2
Nurah Shabirah	2-1	0	2	2	2	0	0	0	2	1	2
Mirza	2-2	1.5	1.5	0	0	0	1	0	0	0	2
Arifah	2-2	0	1.5	0	0	0	1	0	2	2	2
Danish	2-2	0	0.5	0	1	0	0	0	0	0	0
Nasha	2-2	2	2	1	2	0	1	1	1	1	2
Nur Ibrah	2-2	1	2	0	2	0	2	0	0	0	2
Syasya	2-3	0	2	0	2	0	2	0	1	1	1
Syakirah	2-3	2	2	0	2	0	2	2	2	0	2
Izwan	2-3	1.5	2	0	2	0	2	0	2	0	2
Insyirah	2-3	1.5	2	1	2	0	2	2	2	1	1
Amanda	2-3	1.5	2	0	1	0	1	0	2	0	2
Nurul	2-4	0	0	0	0	0	0	0	0	0	2
Umar Alkhatab	2-4	1.5	2	0	2	0	2	0	2	0	1
Syakir	2-4	1.5	2	1	2	0	1	2	2	0	2
Isyran	2-4	0	0	0	2	0	0	2	2	2	2
Total		16	28.5	9	28	0	20	13	22	11.5	28
Total : 19 students											
Average score		0.8	1.5	0.5	1.5	0.0	1.1	0.7	1.2	0.6	1.5
Diff			0.6		0.8		1		0.5		0.8

Markah purata yang diperolehi murid untuk Soalan 1 (Kertas Pra Ujian), “Binatang apa yang tinggal di kawasan hutan itu?” ialah 0.8 peratus. Markah purata yang diperolehi murid untuk soalan yang sama (Kertas Pasca Ujian) ialah 1.5 peratus. Setelah disemak, ramai murid yang tidak dapat menjawab soalan tersebut disebabkan tidak memahami kosa kata seperti ‘kawasan’ dan ‘berpindah’. Kosa kata tersebut setelah diterangkan maksudnya kepada murid telah membantu murid menjawab soalan 1. Jika dilihat pada markah purata Pasca Ujian Soalan 1, ada peningkatan sebanyak 0.6 peratus.

Masalah yang dikenal pasti dalam Soalan 2 adalah murid tidak memahami kosa kata ‘cuaca’. Tanpa pengetahuan tentang kaedah udara seperti angin, hujan dll, murid tidak dapat menjawab soalan tadi. Dengan itu, penguasaan kosa kata yang meluas nescaya dapat membantu murid mengatasi masalah pemahaman teks.


Kosa kata ‘tompokan air’ tidak dapat difahami oleh murid justeru itu mereka tidak dapat menjawab Soalan 3. Setelah diterangkan maksudnya oleh guru dalam pelajaran yang selanjutnya, hampir kesemua murid (14 daripada 19 murid) dapat menjawab soalan tersebut. Markah penuh bagi setiap soalan ialah 2. Bagi murid yang mendapat 1 markah adalah disebabkan kesilapan bahasa dalam struktur ayat.

Punca yang telah dikenal pasti oleh guru mengapa murid gagal menjawab Soalan 4 ialah pengetahuan kosa kata yang terhad seperti 'paras air', 'berjaya' dan 'geluk air'. Jawapan yang dikehendaki untuk Soalan 4 ialah 'Paras air di dalam geluk air itu rendah.' Tanpa pengetahuan kosa kata yang dibincangkan di atas, murid pasti tidak dapat menjawab soalan tersebut.

Namun, ada seorang murid yang telah mendapat 0 markah bagi Kertas Pasca Ujian sedangkan pada awalnya, dia berjaya menjawab soalan tersebut. Perkara ini adalah kes keculian. Mungkin murid tersebut terkeliru dengan soalnya.

Soalan 5, 'Bagaimanakah akhirnya gagal dapat minum air itu?' Menurut penelitian guru, ramai murid gagal menjawab soalan tersebut kerana kurang pengetahuan tentang jenis soalan 'Bagaimana' dan juga kosa kata seperti 'sehingga' dan 'berjaya'. Rumusnya, penguasaan kosa kata yang meluas dapat membantu murid memahami petikan yang dibaca. Murid yang memahami apa yang dibaca secara langsung akan dapat menjawab soalan-soalan kefahaman dengan betul. Berikut adalah dapatan kajian untuk kedua-dua Ujian Kefahaman yang telah dijalankan dalam bentuk gambar rajah.

Rajah 1: Dapatan Kajian untuk Praujian dan Pascaujian Kefahaman 1



Berdasarkan dapatan Kajian Pertama, jelas terbukti bahawa ada peningkatan dalam pemahaman murid sekaligus membolehkan mereka menjawab soalan-soalan kefahaman yang sama di dalam Pra Ujian dan Pasca Ujian.

Untuk memastikan keberkesanan kajian ini, dua kajian telah dijalankan.

Pada Kajian yang kedua, murid didedahkan kepada satu lagi petikan kefahaman. Seperti biasa, murid-murid perlu menjawab 5 soalan kefahaman di lembar kerja. Soalan kefahaman yang diajukan kepada murid adalah seperti yang berikut:

Soalan 1 - Bilakah semut mula mengumpulkan makanan ?

Soalan 2 - Siapakah yang menemani Belalang menyanyi dan menari ?

Soalan 3 - Mengapakah Semut tidak mahu bergembira bersama Belalang ?

Soalan 4 - Apakah nasihat Semut kepada Belalang ?


Soalan 5 - Bagaimanakah Belalang mendapat makanan di akhir cerita ini ?

Jadual 2: Dapatan Kajian untuk Praujian dan Pascaujian Kefahaman 2

Name	Class	PreTest	PostTest	PreTest	PostTest	PreTest	PostTest	PreTest	PostTest	PreTest	PostTest
		Qn 1	Qn 1	Qn 2	Qn 2	Qn 3	Qn 3	Qn 4	Qn 4	Qn 5	Qn 5
Maryam	2-1	0	0	2	0	1	0	0	0	0	0
Shazmy	2-1	0	2	2	2	1	0	2	2	2	1
Emir	2-1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Siti Khairunnisa	2-1	2	2	0	0	1	1	0	0	0	0
Nurah Shabirah	2-1	1	1	2	2	0	1	0	0	0	0
Muhd Zawawi	2-1	0	0	1	1	0	0	0	0	0	0
Mirza	2-2	0	0	0	0	2	1	0	0	0	0
Anifah	2-2	1	1	1	2	0	0	0	0	0	0
Danish	2-2	0	0	2	2	0	0	0	0	0	0
Nasha	2-2	1	2	2	2	0	0	2	2	0	0
Nur Ifrah	2-2	0	2	1	2	0	0	0	0	0	1
Liyana Maisarah	2-2	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Syasya	2-3	1	0	0	2	0	0	0	1	0	2
Syakirah	2-3	0	0	2	2	0	1	0	2	0	1
Izwan	2-3	1	1	1	0	1	1	2	2	0	0
Insyirah	2-3	2	2	2	2	1	2	2	2	0	2
Amanda	2-3	1	1	2	2	0	1	0	1	0	1
Nurul	2-4	0	2	2	2	0	0	2	2	0	0
Umar Alkhatab	2-4	1	0	1.5	2	0	1	2	2	0	1
Syakir	2-4	1	1	1	2	0	0	1	1	2	2
Nur Aishah	2-4	1	1	2	2	2	2	1	2	0	1
Total : 21 students											
Average score		0.6	0.9	1.3	1.4	0.4	0.5	0.7	0.9	0.2	0.6
Diff			0.3		0.1		0.1		0.2		0.4

Mengikut dapatan yang tertera di atas, masalah yang sama dihadapi oleh murid semasa menjawab soalan-soalan kefahaman. Kosa kata yang terbatas telah menghambat pembelajaran mereka dalam mencapai markah lulus bagi Latihan Kefahaman. Antara beberapa kosa kata yang terdapat dalam petikan kefahaman kedua yang dirasakan sukar untuk murid-murid ialah ‘musim’, ‘ditemani’, ‘sia-sia’, ‘usaha’, ‘risau’, ‘bekalan’, ‘menggigil’, ‘mempelawa’, ‘nasihat’ dan ‘asyik’. Tanpa mengetahui maksud kosa kata-kosa kata tersebut, nescaya sukar untuk murid memahami jalan cerita secara keseluruhan dengan baik.

Rajah 2: Dapatan Kajian untuk Praujian dan Pascaujian Kefahaman 2



Hasil Kajian Kedua telah mengukuhkan bukti keberkesanan pengajaran kosa kata dalam pemahaman murid terhadap teks bacaan mereka. Dengan bertambahnya perbendaharaan kata, pemahaman teks seseorang murid juga semakin baik sekaligus dapat membantu mereka dalam menjawab soalan-soalan kefahaman.

KESIMPULAN

Melalui kajian tindakan ini, pasukan guru penyelidik berusaha untuk memahami mengapa jawapan kefahaman para murid sering benar-benar menyimpang daripada jawapan yang diperlukan. Daripada kajian yang dijalankan, guru merasa bahawa kosa kata murid yang terhad boleh menghalang proses pembelajaran murid. Untuk meningkatkan perbendaharaan kata murid, guru mungkin mahu mempertimbangkan menggunakan aktiviti-aktiviti membina perbendaharaan kata dengan menggunakan *Wallwisher* bagi menjadikan pelajaran lebih menarik, mesra pengguna dan yang paling penting, berkesan.

RUJUKAN

Beck, Isabel L., Charles A. Perfetti, and Margaret G. McKeown
(1982). "Effects of long-term vocabulary instruction on lexical access and reading comprehension." *Journal of Educational Psychology*.

Chall, J.S.(1983). *Stages of reading development*. New York:
McGraw-Hill.

Sumber Elektronik

<http://www.readingonline.org/articles/handbook/pressley/>

[http://www.everychildreadytoread.org/projecthistory%09/
literature-review-2010](http://www.everychildreadytoread.org/projecthistory%09/literature-review-2010)